

Soalan No:29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]

TARIKH : 4.4.2018 (RABU)

SOALAN :

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rasional sebagai seorang Menteri untuk mengugut cikgu cikgu sekolah jika didapati menyokong pembangkang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tuduhan yang mengatakan Yang Berhormat (YB) Menteri Pendidikan telah mengungut guru yang menyokong pembangkang adalah tidak benar. YB Menteri Pendidikan sebenarnya menyatakan harapan supaya para guru bertindak secara profesional selaku penjawat awam. Perkara ini selaras dengan Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menetapkan semua penjawat awam memberi taat setia yang tidak berbelah bagi pada setiap masa dan ketika kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan yang memerintah. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/1999 telah menegaskan bahawa semua kakitangan dan pegawai perkhidmatan pendidikan dilarang terlibat dalam aktiviti anti-kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) [P.U.A. 395/1993] dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2010 membenarkan guru siswazah gred 41 hingga gred 48 terlibat dalam aktiviti politik dengan syarat tidak menjelaskan tugas hakiki serta mendapatkan kelulusan daripada Pengurusan Tertinggi KPM.

RJM96